

Khamis, 31 Oktober 2019 | 4:47pm



**MENTERI** Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail pada sidang media di lobi Parlimen, hari ini. - Foto Eizairi Shamsudin

## Larang produk tertera ungkapan negatif ke atas minyak sawit

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kabinet bersetuju diwujudkan satu perundangan yang melarang penggunaan apa-apa ungkapan atau petunjuk mengandungi unsur kempen negatif terhadap minyak sawit.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata ia susulan agensi penguatkuasaannya mengesan terdapat produk import yang dijual mengandungi ungkapan seperti 'no palm oil', 'palm oil free' serta 'bebas minyak kelapa sawit'.

Katanya, ungkapan itu yang dikesan tertera di atas 12 produk import, jelas memberi kesan negatif kepada industri kelapa sawit negara.

"Kita sudah bawa (cadangan) ke Jemaah Menteri dan dipersetujui. Saya dan pasukan akan teliti apakah keperluan perundangan itu. Jika ia memadai dengan peraturan, maka peraturanlah yang kita buat secepat mungkin.



"Daripada tinjauan, kita menemui 12 produk dan penguat kuasa kita sudah mengambil pendekatan menasihati. Lawatan pada hari berikutnya mendapati atas nasihat, mereka (pengusaha) buat (patuh)," katanya pada sidang media di lobi Parlimen, hari ini.

Turut hadir, Menteri Industri Utama, Teresa Kok.

Mengulas lanjut, Saifuddin berkata, tindakan ini langkah berjaga-jaga bagi melindungi produk minyak sawit negara, sekali gus menghentikan sebarang kempen anti produk berasaskan komoditi itu.

"Kita sebuah negara yang menggalakkan perdagangan. Komitmen kita menyokong soal perdagangan. Itu kekal dan kita pelihara.

"Sebagai negara pengeluar kelapa sawit terbesar selepas Indonesia, kita ada tanggungjawab melindungi industri sawit. Jadi, kita akan melakukan sedaya boleh untuk tidak menjejaskan perdagangan kita.

"Pada masa sama, tanggungjawab kita melindungi industri sawit dapat dilaksanakan," katanya turut memaklumkan tinjauan penjualan produk itu sebelum ini dibuat di 2,609 premis di seluruh negara," katanya.

Sementara itu, Kok berkata, kebanyakan produk yang tertera ungkapan sedemikian diimport dari negara Eropah.

Beliau menyifatkan ia seperti gimik pasaran untuk menyampaikan mesej negatif kepada produk kelapa sawit.

"Ini seperti gimik pasaran di pasaran Eropah. Jika sesuatu produk tidak ada minyak sawit, sepatutnya tak perlu tulis produk 'no palm oil'. Seperti kacang mentega, itu memang tak perlu minyak sawit.

"Gimik ini mahu menjejaskan minyak sawit. Saya nasihatkan syarikat pengimport barangan pengguna, jangan import produk yang ada logo tiada minyak sawit," katanya.